



KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA

## **TEKS UCAPAN**

**YB DATUK AARON AGO DAGANG  
MENTERI PERPADUAN NEGARA**

## **SEMPENA**

**PROGRAM KOMUNITI RAHMAH BERSAMA  
JENTERA PERPADUAN NEGERI TERENGGANU**

**5 FEBRUARI 2024 (ISNIN)**

**4.00 PETANG**

**KRT KAMPUNG PENGKALAN AJAL, HULU TERENGGANU**

Salam Perpaduan dan Salam Malaysia MADANI,

## SALUTASI

\*disediakan secara berasingan

## PENDAHULUAN

1. Hari ini adalah lawatan sulung saya ke Negeri Terengganu. Saya ingin rakamkan jutaan terima kasih kerana KRT Kampung Pengkalan Ajal yang sudi menjadi tuan rumah bagi Program Komuniti Rahmah..
2. Program Komuniti Rahmah adalah merupakan **kluster ketiga** di bawah program *flagship* Kementerian iaitu **Kembara Perpaduan Malaysia MADANI** yang telah dilancarkan pada 1 Mac 2023, selain daripada kluster Semarak Kenegaraan dan Semarak Perpaduan.
3. Program Komuniti Rahmah ialah program yang dirangka bagi membina **komuniti yang sejahtera, mampan dan rahmah** khususnya dalam KRT yang menjunjung tinggi nilai-nilai kemanusiaan dengan saling menghormati, mengasihi dan menghargai melalui penggemblengan usaha serta tenaga semua pihak.

4. Bagi mencapai agenda penting ini, Kementerian telah merangka pelbagai aktiviti untuk digerakkan khususnya oleh KRT dan antaranya ialah:

- Projek Ekonomi Komuniti KRT
- RT Cares
- Tuisyen KAMI
- Program Sayangi Komuniti
- Gerak Kerja Bantuan Banjir
- Ziarah Rahmah
- Dapur Komuniti KRT
- Program Integrasi Sosial Untuk Komuniti (INSAN)
- Pembangunan Sudut Ilmu (*Unity Library*)
- Projek Daya Cipta Komuniti RT
- Program Jiranku Keluargaku
- Program Gerak Padu

### **PROGRAM GERAK KERJA PASCA BANJIR**

Hadirin yang dihormati sekalian,

5. Saya difahamkan, **KRT Kampung Pengkalan Ajal ini turut dilanda banjir sebanyak dua (2) kali** dan telah mengakibatkan kerosakan kediaman dan harta benda di beberapa kawasan.

6. Justeru, saya bersama-sama wakil daripada pihak Kementerian turun padang untuk melihat sendiri kawasan dan penduduk yang telah terjejas semasa kejadian banjir yang lalu. Pada hari ini, sebanyak **150 kotak Rahmah** akan disumbangkan kepada keluarga yang terlibat dan ini merupakan sebahagian daripada **tanggungjawab sosial** Kementerian kepada komuniti RT.
7. Sehingga kini, KPN melalui JPNIN telah mengedarkan **24,416 Kotak Rahmah** di seluruh negara sebagai usaha membantu meringankan beban kepada mangsa banjir.

### **EKONOMI DAN SARA HIDUP KOMUNITI KRT**

Hadirin yang dikasihi sekalian,

8. Kementerian juga telah melaksanakan **Projek Ekonomi Komuniti KRT** yang memberi tumpuan ke arah meningkatkan pendapatan komuniti dan membantu menangani masalah kos sara hidup yang tinggi.
9. Setakat ini, sebanyak **257 projek ekonomi** sedang diusahakan oleh KRT. Di bawah inisiatif Pemerkasaan Rukun Tetangga, Kementerian turut mensasarkan lebih banyak KRT akan melaksanakan projek ekonomi.

10. Ketika Majelis Amanat Tahun 2024 baru-baru ini, saya turut umumkan bahawa **Ekonomi dan Sara Hidup** akan diberikan fokus lebih pada tahun ini dengan matlamat meringankan kos sara hidup, meningkatkan sosioekonomi dan menjamin kualiti hidup yang baik.
11. ***Increasing RT Communities's household income will be my main focus this year. Paving the way for a stronger community economy.***
12. **Pembangunan ekonomi komuniti ialah strategi penting untuk memupuk pertumbuhan yang mampan dan inklusif** yang dapat membantu negara berada dalam landasan tepat berhubung soal ekonomi di persada dunia.
13. Antara inisiatif yang dirancang oleh Kementerian adalah:
  - **500 Projek Ekonomi Komuniti RT** (Kebuniti Madani, *Community Based Tourism*, Kraftangan dan penghasilan makanan)
  - **Karnival Ekonomi RT**
  - **Kiosk@RT;**
  - **Koperasi KRT;**
  - **Jualan RT Mart.**

14. Saya juga telah meminta **JPNIN untuk melaksanakan Profiling Kawasan Rukun Tetangga**. Ini kerana bagi memperkasakan sesebuah KRT termasuk pemberian geran aktiviti memerlukan pemprofilan kawasan yang lengkap merangkumi maklumat asas komuniti seperti jumlah penduduk mengikut pecahan umur, jantina, kaum, agama, tahap pendidikan, jumlah pendapatan, kemudahan infrastruktur, pihak-pihak yang berkepentingan, sumber-sumber dalaman, keperluan komuniti serta isu-isu yang dihadapi.
15. Profiling kawasan adalah amat penting dalam menentukan strategi dan tindakan serta kesesuaian program yang dianjurkan agar memberi impak optimum kepada komuniti. Ini kerana dalam konteks pengurusan komuniti tiada inisiatif dan program yang bersifat *one size fits all*.

## **PENUTUP**

Hadirin yang dimuliakan sekalian,

16. Besar harapan saya agar masyarakat berbilang bangsa sentiasa membudayakan sifat '**Faham, Hormat dan Terima**' dalam kehidupan seharian, kerana hanya melalui

konsep ini, dapat kita kecapai masyarakat yang bersatu padu, seterusnya, berupaya melonjakkan negara ke anjakkan tertinggi.

17. Sebelum saya mengakhiri ucapan ini, sekali lagi saya ingin merakamkan ucapan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua pihak yang telah terlibat dalam menjayakan program lawatan dan turun padang saya pada hari ini.
18. Bak kata pepatah lama “**Ke bukit bersama kita daki, ke lurah bersama kita turuni**” yang membawa maksud iaitu apa jua perkara dilakukan perlu ada kerjasama. Dalam soal perpaduan ia amat penting kerana ini adalah tanggungjawab bersama bagi memastikan negara ini terus aman, damai dan harmoni.

Sekian, terima kasih.